

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

Ogos/September

2018

2 $\frac{1}{2}$ jam

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2018**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang inisiatif yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka dan sokongan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Setiap remaja di negara ini menginginkan pekerjaan yang dapat menjamin masa depan serta dapat menyara kehidupan mereka dan keluarga. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir individu yang bertukar cita-citanya kerana pengaruh daripada faktor persekitaran. Sehubungan dengan itu, persediaan rapi harus dibuat dalam menentukan jenis dan tujuan kerjaya yang ingin diceburi supaya remaja dapat memahami sebab sebenar sesuatu pekerjaan itu ingin diperolehnya. Mereka tidak perlu memilih sesuatu kerjaya kerana pengaruh atau terikut-ikut dengan rakan sebaya.

Masalah pemilihan kerjaya sering dihadapi oleh remaja. Puncanya adalah disebabkan oleh masalah minat yang tidak jelas. Oleh yang demikian, pihak sekolah berperanan menerangkan kecenderungan pelajar dalam kerjaya berdasarkan analisis keputusan ujian psikometrik mereka. Selain itu, ujian psikologi seperti ujian *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) perlu dilakukan oleh remaja untuk memahami personaliti diri dan bentuk kepimpinan masing-masing. Keputusan daripada ujian sebegini pula nanti akan membantu seseorang itu untuk mempersiapkan diri dengan ilmu, kemahiran, dan sikap yang seharusnya ada dalam kerjaya yang hendak diceburi.

Remaja di negara kita haruslah melatih diri agar dapat bekerja dalam pasukan, mengikut masa yang ditetapkan, dan dapat menerima arahan. Manakala, individu yang minat bekerja sendiri pula harus membiasakan diri untuk bersifat berani menghadapi risiko dan berdaya saing. Mereka tidak perlu segan jika mereka bekerja sambil sementara menunggu keputusan peperiksaan untuk memperoleh pengalaman kerja dan meluaskan pandangan tentang dunia kerjaya. Di samping itu, remaja juga perlu meluangkan masa dengan menghadiri pameran kerjaya yang diadakan oleh pelbagai pihak. Mereka haruslah berusaha mendapatkan maklumat dan bertukar-tukar pandangan dengan individu yang sudah berada dalam dunia kerjaya tersebut. Dengan cara ini, seseorang itu dapat menentukan matlamat dalam kerjayanya kelak dengan lebih berkeyakinan.

Remaja juga perlu mengambil peluang menyertai program mentor kerjaya. Pihak sekolah haruslah mengatur program ini yang akan memadankan pelajar berkenaan dengan seorang mentor profesional dalam bidang tertentu. Mentor profesional ini akan menunjukkan pelajar tentang realiti dunia kerjaya dan dapat memberikan nasihat kepada pelajar itu supaya meneladaninya untuk mencapai cita-cita yang diinginkan. Sebagai kesimpulannya, alam pekerjaan dilihat sebagai destinasi terakhir kepada kebanyakan pelajar. Oleh itu, keputusan terletak di tangan remaja itu sendiri apabila menetapkan matlamat dalam kerjaya dengan menilai *potensi diri* dan disesuaikan dengan kerjaya pilihannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja dan Kerjaya'
oleh Sharifah Nursyahidah Syed Annuar,
Dewan Siswa, Bil 9, 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *potensi diri*. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan beberapa inisiatif yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk memberikan panduan kepada murid-murid tentang kerjaya.

Apakah inisiatif-inisiatif tersebut? [3 markah]

(iii) Ada pendapat mengatakan bahawa generasi muda perlu menjadi generasi yang bijak komputer untuk berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Berikan pendapat anda. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SETIAP kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang, saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman-berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelut globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsiy’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan bonda tidak mengizinkan Mel berhijrah ke kota.

Kemukakan faktor-faktor tersebut.

[2 markah]

- (ii) Maruah diri sangat penting kepada setiap individu.

Pada pendapat anda, apakah langkah yang patut anda lakukan untuk menjaga maruah diri?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya *seperti laku orang berkelahi*. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, “Siapa tuan hamba ini?”

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.” Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *seperti laku orang berkelahi*. [2 markah]
- (ii) Apakah perkara yang telah dijelaskan oleh orang suruhan Patih Gajah Mada kepada Kertala Sari? [3 markah]
- (iii) Orang suruhan Patih Gajah Mada telah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. [3 markah]
- Pada pendapat anda, apakah kelebihan sifat amanah kepada seseorang? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

Baginda menitahkan orang besar empat,
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas,
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,
Istana siap dengan alatnya;
Besar tersergam sembilan ruang,
Sepuluh dengan rembat gantung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,
Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti;
Galang-galangnya ular berang,
Kasau kecil puteri menyembah,
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,
Bertakuk bersedelinggam,
Berjenang berbatu kawi,
Berselimpat ukir Jawa,
Lilit-melilit akar Cina;
Garam sebuku sisa jeragan,
Bunga kenanga dimakan ular,
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,
Tiada orang dapat meniru:
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Za'ba

Kalung Bunga Za'ba, 2008

Dewan Bahasa dan Pustaka

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) upah
- (ii) gaji
- (iii) bonus
- (iv) elaun
- (v) subsidi
- (vi) insentif

[6 markah]

(b) *Tukar cakap pindah di bawah kepada cakap ajuk tanpa mengubah maksud asalnya.*

Cikgu Fatimah bertanya kepada Azlan sebab dia tidak menyiapkan latihan karangan. Azlan meminta maaf kepada Cikgu Fatimah dan menyatakan bahawa dia terlupa untuk menyiapkan latihan karangan yang telah diberikannya semalam. Cikgu Fatimah ingin tahu sama ada Azlan tidak sihat atau menghadapi masalah untuk menyiapkan latihan karangan tersebut. Azlan menafikannya dan memberitahu Cikgu Fatimah bahawa dia benar-benar terlupa tentang latihan yang diberikan. Setelah mendengar penjelasan Azlan, Cikgu Fatimah meminta Azlan menyiapkan latihan itu dengan kadar segera dan menghantarkan latihan tersebut ke bilik guru. Azlan mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Fatimah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pengurusan sesebuah organisasi akan berjaya jika dikendali secara profesional dan berintergriti.
- (ii) Pengrobohan plaza tol itu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat demi keselamatan pengguna lebuhraya.
- (iii) Sektor akukultur telah mengembang sebagai pengeluar bahan makanan dan menjadi salah satu sumber pendapatan negara kita.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kenderaan transisi automatik menjadi pilihan ramai oleh kerana lebih pantas lagi menyenangkan.
- (ii) Berbagai jenis hasil pertanian dan seumpamanya telah ditunjukkan dalam sambutan Hari Peladang yang diadakan baru-baru ini.
- (iii) Pakar pemakanan itu telah memberikan pencerahan yang terperinci tentang nutrien yang perlu diambil oleh kita dalam diet sehari-hari.

[6 markah]

(e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Bagai isi dengan kuku
- (ii) Buka pekung di dada
- (iii) Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Tirani karya Beb Sabariah
- (a) Konflik memainkan peranan yang penting dalam sesebuah novel. Hal ini demikian kerana melalui konflik yang timbul akan membuatkan cerita semakin berkembang dan menarik.
- Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan peranan watak sampingan dalam membantu watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapi. [7markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa menarik yang terdapat dalam setiap novel tersebut, kemudian jelaskan alasan anda berpendapat sedemikian. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
2018

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2018

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 22 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

Petikan membincangkan daya usaha / usaha / ikhtiar / tindakan / langkah remaja **di Malaysia / di negara kita** dalam merancang kerjaya impian mereka.

2

Rumusan membincangkan daya usaha / usaha / ikhtiar / tindakan / langkah yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka dan sokongan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa.

2

Petikan membincangkan daya usaha / usaha / ikhtiar / tindakan / langkah yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka dan beberapa inisiatif yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk memberikan panduan kepada murid-murid tentang kerjaya.

2

Petikan membincangkan daya usaha / usaha / ikhtiar / tindakan / langkah yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka dan sokongan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa.

1

Petikan membincangkan inisiatif yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka dan sokongan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa.

0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**Inisiatif yang perlu dilakukan oleh remaja dalam merancang kerjaya impian mereka**

- | | | |
|----|---|---|
| S1 | persediaan rapi harus dibuat dalam menentukan jenis dan tujuan kerjaya yang ingin diceburi | 2 |
| S2 | tidak perlu memilih sesuatu kerjaya kerana pengaruh atau terikut-ikut dengan rakan sebaya | 2 |
| S3 | ujian psikologi / seperti ujian <i>Myers-Briggs Type Indicator</i> (MBTI) perlu dilakukan oleh remaja untuk memahami personaliti diri dan bentuk kepimpinan masing-masing | 2 |
| S4 | mereka haruslah melatih diri agar dapat bekerja dalam pasukan, mengikut masa yang ditetapkan, dan dapat menerima arahan | 2 |
| S5 | individu yang minat bekerja sendiri pula harus membiasakan diri untuk bersifat berani menghadapi risiko dan berdaya saing | 2 |
| S6 | bekerja sambil menunggu keputusan peperiksaan untuk memperoleh pengalaman kerja dan meluaskan pandangan tentang dunia kerjaya | 2 |
| S7 | remaja juga perlu meluangkan masa dengan menghadiri pameran kerjaya | 2 |
| S8 | mendapatkan maklumat dan bertukar-tukar pandangan dengan individu yang sudah berada dalam dunia kerjaya tersebut | 2 |
| S9 | menyertai program mentor kerjaya | 2 |

[Lihat halaman sebelah

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**Markah****Sokongan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa.**

- | | | |
|----|---|---|
| T1 | ibu bapa membawa anak-anak menghadiri pameran kerjaya | 2 |
| T2 | ibu bapa membantu anak-anak mencari maklumat kerjaya daripada pelbagai sumber | 2 |
| T3 | ibu bapa menyokong keputusan anak-anak memilih bidang pengajian yang berkaitan dengan kerjaya yang diminati | 2 |
| T4 | ibu bapa membimbing anak-anak memilih kerjaya mengikut kecenderungan mereka | 2 |

***(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, remaja haruslah bijak merancang kerjaya mereka agar masa depan mereka lebih cerah. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, pelbagai pihak perlulah membantu remaja dalam merancang kerjaya mereka agar mereka tidak tersalah memilih kerjaya. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, remaja haruslah bijak merancang kerjaya mereka. | 1 |

***(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Soalan 2(a) : Petikan Umum

Markah

(i) Maksud *potensi diri*

- potensi : kebolehan / keupayaan / kemampuan / kesanggupan / kecekapan / kelayakan / bakat / kaliber
- diri : individu / seseorang / peribadi 2
- potensi seseorang / individu 1
- kebolehan / keupayaan / kemampuan / kesanggupan / kecekapan / kelayakan / bakat / kaliber / diri 1

* hanya menukarkan satu perkataan dan betul, layak mendapat 1 m

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Inisiatif pihak sekolah

- pihak sekolah berperanan menerangkan kecenderungan murid dalam kerjaya berdasarkan analisis keputusan ujian psikometrik mereka
- pihak sekolah haruslah mengatur program ini / mentor kerjaya yang akan memadankan murid berkenaan dengan seorang mentor profesional dalam bidang tertentu

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Ada pendapat mengatakan bahawa generasi muda perlu menjadi generasi yang bijak komputer untuk berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Setuju :

- segala urusan pekerjaan kini dilakukan menggunakan komputer
- penggunaan komputer menjimatkan masa
- urusan perbankan / perkhidmatan / yang lebih cekap menggunakan komputer
- perniagaan lebih mudah dilaksanakan secara dalam talian
- komunikasi yang lebih mudah, cepat dan bersifat global
- maklumat tentang urusan pekerjaan dapat diakses dengan mudah

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Tidak setuju :

- tidak semua pekerjaan perlu menggunakan komputer
- mampu mengupah orang yang mahir komputer untuk urusan yang memerlukan penggunaannya
- komputer hanya sebahagian alat yang membantu pengurusan

*(Pendapat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen**Markah****(i) Faktor-faktor :**

- | | |
|--|---|
| - ilmu agama Mel masih cetek dan nipis | 1 |
| - bimbang Mel hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme | 1 |
| - bahasa ibunda Mel masih lemah | 1 |
| - bonda kkuatir Mel tidak mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati dirinya | 1 |
| - bimbang maruah diri Mel akan tercemar | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Langkah-langkah :

- | | |
|---|---|
| - sentiasa mengamalkan ajaran agama | 1 |
| - sentiasa mematuhi nasihat ibu, bapa dan guru | 1 |
| - memilih kawan yang berakhlak mulia | 1 |
| - selalu bergaul dengan golongan ilmuwan dan bersahsiah mulia | 1 |
| - mengelakkan diri daripada terlibat dalam kegiatan negatif | 1 |

*(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persoalan dalam petikan**Markah**

- Rasional dalam memberikan alasan

1

Cth : Bonda memberikan alasan yang rasional sebab dia menghalang Mel

1

- Ketaatan anak kepada ibu

1

Cth : Mel mentaati nasihat ibunya yang tidak mengizinkan berhijrah ke kota.

1

- Semangat patriotik

1

Cth : Bonda menasihati Mel agar sentiasa memelihara bahasa ibunda.

1

Persoalan dalam keseluruhan cerpen

- Amanah dalam melaksanakan sesuatu perkara

1

Cth : Mel menunaikan amanah ibunya dengan menyerahkan buku-buku kepada Munsyi.

1

- Kegigihan teras kejayaan

1

Cth : Anak-anak zaman dahulu gigih dan cekal meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.

1

- Kesan buruk penjajahan

1

Cth : Penjajah yang menjalankan sistem pecah dan perintah telah menimbulkan perpecahan dalam kalangan rakyat di negara ini.

1

***(Persoalan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi (P + K)]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

Markah

(i) Maksud :

- macam / bagai / umpama perbuatan / kelakuan manusia bergaduh / bertengkar 2
- seperti kelakuan orang bergaduh 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Perkara yang dijelaskan oleh orang suruhan:

- dia telah disuruh oleh Patih Gajah Mada 1
- dia mahu memastikan sama ada Kertala Sari sudah datang / balik atau belum dari Daha 1
- Patih Gajah Mada mahu bertemu dengan Kertala Sari 1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kelebihan sifat amanah :

- akan dipercayai oleh orang lain 1
- membentuk kualiti diri 1
- akan dihormati oleh masyarakat 1
- akan dikasihi oleh masyarakat 1
- mudah memperoleh kawan / terhindar daripada musuh 1
- masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni 1

*(Kelebihan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 2(d) : Seloka

Markah

(i) Keistimewaan :

- besar tersergam 1
- memiliki sembilan ruang 1
- memiliki sepuluh kayu palang penyokong 1
- ada kain yang disusun dan diikat serong 1
- mempunyai anjung yang tinggi 1

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Alasan :

- sebagai khazanah negara yang berharga 1
- dapat dijadikan tatapan generasi kini dan generasi masa hadapan 1
- sebagai daya penarik kepada para pelancong 1
- sebagai mercu tanda sesebuah negeri / negara seperti Istana Kenangan di Kuala Kangsar, Perak 1

*(Alasan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Dua pengajaran :

- Kita mestilah setia kepada raja supaya dapat menikmati hidup dalam aman dan harmoni. 2
- Kita hendaklah melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab demi kebaikan bersama. 2
- Setiap tugas hendaklah dilaksanakan dengan sempurna agar hasil yang berkualiti dapat dirasai. 2
- Setiap yang hidup pasti akan merasai mati kerana kita hidup di dunia ini hanyalah sementara sahaja. 2

*(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Jawapan 3(a)

- (i) upah - wang dan lain-lain yang diberikan kepada orang yang disuruh mengerjakan sesuatu, bayaran sebagai pembalas jasa, ganjaran untuk tenaga orang yang telah digunakan
- (ii) gaji - upah yang tetap, bayaran yang tetap untuk pekerjaan
- (iii) bonus
1. bayaran tambahan pada gaji dan lain-lain sebagai pemberian (ganjaran)
 2. bayaran faedah kepada pemegang polisi syarikat insurans atau pemegang saham
- (iv) elaun - bayaran yang diberikan kepada seseorang (oleh sesebuah organisasi) secara tetap (untuk melaksanakan sesuatu tugas)
- (v) subsidi - bantuan berupa wang atau kebendaan (biasanya daripada kerajaan) yang diberi kepada sesuatu pihak tertentu (seperti perbadanan, kumpulan petani, dan lain-lain)
- (vi) insentif - sesuatu (yang berupa kebendaan atau tidak) yang diberikan atau ditawarkan sebagai dorongan atau galakan

[6 markah]

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi – 20 markah
 (b) Bahasa – 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian		Markah										Markah Maksimum
(i)	Pendahuluan											2
(ii)	Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii)	Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)	Kesimpulan											2
		Jumlah markah										20

[Lihat halaman sebelah

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a)	:	9 markah
Soalan 2(b)	:	9 markah
Soalan 2(c)	:	8 markah
Soalan 2(d)	:	9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada :

Soalan 3(a)	: 6 markah
Soalan 3(b)	: 6 markah
Soalan 3(c)	: 6 markah
Soalan 3(d)	: 6 markah
Soalan 3(e)	: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat tersebut.

Jawapan 3(b)

Perhatian untuk Soalan 3(b)

- (i) Jawapan boleh ditulis sama ada dalam bentuk dialog yang tersusun mengikut turutan penutur atau dalam bentuk dialog dengan penggunaan tanda pengikat kata ("...").
- (ii) Berikan markah secara *impression*.
- | | |
|-----------|-------|
| Baik | 5 - 6 |
| Sederhana | 3 - 4 |
| Lemah | 1 - 2 |
- (iii) Sekiranya terdapat calon yang banyak melakukan kesalahan tatabahasa, ½ markah ditolak daripada markah keseluruhan.

Cikgu Fatimah : Mengapakah kamu tidak menyiapkan latihan karangan?

Azlan : Maafkan saya, cikgu. Sebenarnya, saya terlupa tentang latihan karangan yang telah diberikan oleh cikgu semalam.

Cikgu Fatimah : Kamu tidak sihatkah atau menghadapi masalah untuk menyiapkannya?

Azlan : Tidak, cikgu. Saya benar-benar terlupa tentang latihan karangan itu.

Cikgu Fatimah : Baiklah. Saya berharap kamu dapat menyiapkan latihan karangan itu dengan kadar segera dan menghantarkannya ke bilik guru.

Azlan : Terima kasih, cikgu.

“Mengapa kamu tidak menyiapkan latihan karangan?” tanya Cikgu Fatimah kepada Azlan. “Maafkan saya, cikgu. Sebenarnya, saya terlupa tentang latihan karangan yang telah diberikan oleh cikgu semalam,” jawab Azlan kepada Cikgu Fatimah. “Kamu tidak sihatkah atau menghadapi masalah untuk menyiapkannya?” tanya Cikgu Fatimah lagi. “Tidak, cikgu. Saya benar-benar terlupa tentang latihan karangan itu,” jelas Azlan. “Baiklah. Saya berharap kamu dapat menyiapkan latihan karangan itu dengan kadar segera dan menghantarkannya ke bilik guru,” kata Cikgu Fatimah kepada Azlan. “Terima kasih, cikgu,” jawab Azlan.

[6 markah]

Jawapan 3(c)

- (i) dikendali berintergriti - dikendalikan berintegriti
- (ii) pengrobohan lebuhraya - perobohan lebuhraya
- (iii) akukultur mengembang - akuakultur berkembang

[6 markah]**Jawapan 3(d)**

- (i) transisi oleh kerana - transmisi oleh sebab / kerana
- (ii) Berbagai ditunjukkan - Berbagai-bagai / Pelbagai dipamerkan
- (iii) pencerahan yang perlu diambil oleh kita - penjelasan / penerangan yang perlu kita ambil

[6 markah]**Jawapan 3(e)**

- (i) Bagai inai dengan kuku / Bagai aur dengan tebing / Bagai dakwat dengan kertas / Bagai hempedu lekat di hati
- (ii) Menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri / Menconteng arang di muka sendiri / Menjemur bangkai ke atas bukit
- (iii) Bagaimana acuan, begitulah kuihnya / Bapa borek, anak rintik / Bagaimana bunyinya gendang, begitulah tarinya

[6 markah]*[Lihat halaman sebelah***SULIT**

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
 - iii) Beri 1 markah bagi setiap konflik yang dihadapi oleh watak utama.
 - iv) Beri 1 markah bagi huraian peranan watak sampingan dalam membantu watak utama menyelesaikan konflik tersebut.
 - v) Isi 2 markah, huraian 2 markah, maksimum 4 markah.
 - vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **dua buah** novel yang dikaji.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
 - iii) Beri 1 markah untuk **peristiwa menarik** yang dikemukakan.
 - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian alasan yang lengkap / jelas.
 - v) Markah isi, maksimum 6 markah.
 - vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan 4(a)

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

Bil.	Konflik watak utama	Peranan watak sampingan
1.	Adnan ingin menyertai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris tetapi telah diejek oleh rakan-rakannya.	Mak Milah dan Pak Saidi telah memberi kata-kata semangat kepada Adnan demi menguatkan semangatnya lagi untuk menyertai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris itu. Akhirnya, Adnan telah menjuarai pertandingan tersebut.
2.	Nordin memperlekehkan usaha Adnan untuk menjadi tentera. Adnan telah dituduh sebagai pengkhianat bangsa kerana keluarganya pernah menjadi tali barut kepada orang Inggeris.	Pak Saidi telah menasihati Adnan agar tidak menghiraukan tuduhan tersebut, sebaliknya menyokong tindakan Adnan untuk menjadi tentera.
3.	Adnan menghadapi konflik dalam dirinya kerana berasa takut untuk dikhatankan.	Pak Saidi berjanji akan membelikan Adnan basikal baharu selepas berkhatan bagi meredakan perasaan takutnya itu.
4.	Ibu Adnan tidak membenarkannya menjadi tentera kerana tidak sanggup berpisah dengannya.	Ibu Adnan akur dengan kehendak anaknya dan merelakan serta menghormati keputusan Adnan yang ingin menjadi seorang tentera setelah Pak Saidi merestui niat anaknya itu.
5.	Leftenan Adnan menghadapi konflik kekurangan anggota untuk menghadapi serangan tentera Jepun yang bertubi-tubi.	Penghulu Deraman bersama anak-anak buahnya yang terdiri daripada pengawal kampung telah bertemu dengan Leftenan Adnan dan menyatakan kesediaan mereka membantu pasukan askar Melayu menentang tentera Jepun.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Novel Tirani

Bil.	Konflik watak utama	Peranan watak sampingan
1.	Waheeda tertekan oleh ejekan rakan-rakannya tentang hidungnya yang pesek.	Ibunya, Raidah dan kawannya Nasuha serta Ustazah Ruqaiyah telah memberikan nasihat yang dapat meredakan perasaan benci Waheeda terhadap kawan-kawannya.
2.	Waheeda dituduh oleh Zahid berlaku curang.	Raidah telah menasihati Waheeda supaya banyak bersabar bagi meredakan perasaan tersebut.
3.	Waheeda yang tidak dapat menerima kenyataan bahawa dia diceraikan oleh Zahid dengan talak satu telah mengalami kemurungan.	Ghazi membawanya mendapatkan bantuan pakar perubatan dan kaunseling di Hospital PUSRAWI, Kuala Lumpur.
4.	Waheeda berasa gementar untuk menjalani pembedahan plastik di SMC, Singapura.	Raidah sanggup menaiki kapal terbang dari Sarawak seorang diri semata-mata untuk menemani Waheeda dan memberi sokongan moral kepada anaknya.
5.	Waheeda tertekan semasa berhadapan dengan bekas suaminya, Zahid setelah 20 tahun bercerai.	Izzati memujuk ibunya agar memaafkan ayahnya.

*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

Jawapan 4(b)**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa****Peristiwa menarik**

1. Peristiwa Penghulu Deraman bersama-sama anak buahnya yang terdiri daripada pengawal kampung datang bertemu dengan Leftenan Adnan. Tujuan mereka datang adalah untuk menyatakan kesediaan mereka bertempur dalam usaha membantu pasukan askar Melayu menentang tentera Jepun.

Alasan

Hal ini menunjukkan semangat patriotik orang Melayu dalam menentang musuh. Walaupun mereka serba kekurangan tetapi disebabkan rasa cinta akan negara yang amat tinggi, mereka sanggup berkorban untuk mempertahankan maruah negara. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan oleh generasi sekarang dalam usaha mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

2. Peristiwa berpuluh-puluh askar Jepun sampai di kampung Sungai Ramal, Kajang untuk mencari keluarga Leftenan Adnan. Penduduk kampung telah berpakat untuk tidak bekerjasama dengan menyembunyikan keluarga Leftenan Adnan.

Alasan

Hal ini menunjukkan bahawa jika kita melakukan sesuatu kebaikan, pasti akan mendapat sokongan daripada semua pihak. Kesepakatan dalam kalangan masyarakat ini telah mengajar kita agar sentiasa bersatu dalam semua perkara yang membawa kebaikan agar kita tidak mudah ditindas oleh golongan yang berkepentingan. Keberanian Leftenan Adnan itu telah menjadi pencetus semangat anak-anak muda bagi menentang tentera Jepun.

3. Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung.

Alasan

Peristiwa ini menarik kerana melalui pendirian Pak Saidi, jelas menunjukkan bahawa dia seorang yang berpandangan jauh.

4. Peristiwa Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun. Walaupun kakinya telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah sehingga ke titisan darah yang terakhir.

Alasan

Peristiwa ini menarik kerana boleh dijadikan teladan. Kesan daripada peristiwa itu telah menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya untuk terus menjaga kedaulatan dan keamanan negara daripada diceroboh oleh musuh negara.

[Lihat halaman sebelah

5. Leftenan Adnan mengarahkan anggota tentera menggali lebih banyak parit untuk dijadikan kubu pertahanan mereka. Mereka juga diarahkan meletakkan guni-guni pasir di sekitar kawasan Bukit Candu.

Alasan

Peristiwa ini menarik kerana memaparkan kebijaksanaan Leftenan Adnan dalam mempertahankan kubunya. Parit yang digali dapat menghalang kemaraan musuh dan guni-guni pasir itu pula menghalang tembakan daripada musuh.

6. Apabila Leftenan Adnan membunuh adik Yamashita, Yamashita telah mengarahkan Mutughuchi dan tentera Jepun menjejaki keluarga Adnan.

Alasan

Pak Saidi tanpa rasa gentar telah berhadapan dengan tentera Jepun dan berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun. Hal ini menunjukkan semangat patriotik yang sangat tinggi dalam diri Pak Saidi kerana berani berhadapan dengan musuh walaupun nyawanya terkorban.

7. Adnan menerima Sofea pilihan orang tuanya, untuk dijadikan isterinya.

Alasan

Peristiwa ini menunjukkan ketaatan seorang anak terhadap ibunya.

8. Yamashita telah berjanji dengan maharaja Jepun bahawa Tanah Melayu akan jatuh ke tangan Jepun dalam masa 70 hari. Kenyataannya, Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun dalam masa 69 hari.

Alasan

Hal ini menunjukkan keyakinan diri yang tinggi dan usaha yang gigih, pasti membuahkan hasil.

Novel Tirani**Peristiwa menarik**

1. Peristiwa menarik dalam novel Tirani ialah peristiwa Raidah yang sanggup meninggalkan keluarganya di Sarawak demi menemani Waheeda yang akan menjalani pembedahan plastik di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.

Alasan

Peristiwa ini menarik kerana sokongan ibu amat penting dalam kehidupan seorang anak.

2. Peristiwa tentang persiapan yang sedang dibuat oleh Kong dan Anati yang sibuk memberi idea tentang pakaian yang sesuai dipakai oleh Waheeda ke pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa nanti. Waheeda mengambil keputusan mengenakan pakaian Gajoh Oleng yang merupakan pakaian tradisi Sarawak.

Alasan

Peristiwa ini menarik kerana hal ini menunjukkan bahawa Waheeda cinta akan budaya bangsanya dengan menolak pakaian yang dicadangkan oleh kawannya kerana pakaian yang ingin dipilihnya itu bercirikan budaya bangsanya. Walaupun Waheeda hidup dalam kemodenan tetapi tetap mempertahankan budaya bangsanya.

3. Peristiwa kejayaan Zahid menjejaki anaknya dan bekas isterinya. Mereka bertemu semula setelah 20 tahun terpisah.

Alasan

Zahid yang sebelum ini terlalu ego, akhirnya mencari Waheeda untuk memohon maaf atas kesalahannya selama ini.

4. Peristiwa Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumah tangga telah bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan membeli dan memajukan Chalet Aya-Sajinah.

Alasan

Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu, sebaliknya berusaha untuk menempuh kehidupan pada masa hadapan.

5. Peristiwa Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk mengembangkan perniagaan inap desa Syarikat Tajau Emas.

Alasan

Peristiwa ini dikatakan menarik kerana setiap usaha yang dilakukan oleh Waheeda dapat dijadikan contoh teladan kepada kita agar gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

6. Waheeda menjalani ujian DNA bagi membuktikan bahawa dia tidak curang.

Alasan

Hal ini menunjukkan kebijaksanaan seseorang dalam menyelesaikan masalah.

(Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya calon dapat memberikan alasan yang logik dan sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT